

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 NOVEMBER 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

Langkah tingkat gaji, produktiviti

Langkah tingkat gaji, produktiviti

Kertas Putih
Cadangan Dasar Gaji
Progresif dijadual
dibentang di Parlimen
Khamis ini

Oleh **NURUL HUDA HUSAIN**
dan **FARAH SHAZWANI ALI**
KUALA LUMPUR

Slepas pelaksanaan gaji minimum RM1,500 dikuatkuasakan tahun lalu, kerajaan kini mahu menambah baik lagi skim imbuhan pekerja di negara ini menerusi pembentangan Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif di Parlimen pada Khamis ini.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, Kertas Putih itu bertujuan menyelesaikan isu sistem gaji rendah di Malaysia.

Beliau berkata, pada masa sama kerajaan sedar pertumbuhan gaji perlu didorong oleh produktiviti melalui usaha peningkatan kemahiran.

"Ini telah diberi penekanan oleh lima sektor HGHV (pertumbuhan tinggi, nilai tinggi)

yang telah dikenal pasti dalam kajian separuh penggal, apabila kami mahu memberi tumpuan kepada mewujudkan lebih banyak bahagian pekerjaan dalam bidang teknologi.

"Ia mengejutkan saya bahawa gaji median kita hanya RM11 di atas paras kemiskinan," katanya semasa ucapan pada Persidangan Prospek Ekonomi Negara (NEOC) di sini pada Isnin. Isu gaji rendah dan tidak seimbang dengan kelulusan akademik serta tiada kenaikan gaji tahunan secara konsisten terus membelenggu golongan pekerja swasta di negara ini.

Pada Pilihan Raya Umum ke-15, cadangan untuk mewujudkan Dasar Gaji Progresif merupakan satu daripada manifesto Pakatan Harapan (PH).

Ketika itu, Rafizi mengatakan bahawa masalah gaji kini berada dalam satu krisis yang perlu diselesaikan dengan segera.

Pada 4 Ogos lalu pula, Rafizi melahirkan kebimbangan melihat kependudukan gaji permulaan untuk lepasan ijazah di negara ini tidak jauh beza dengan paras gaji minimum pekerja tidak mahir, iaitu RM1,500 sebulan.

Menurut Rafizi, apabila ada paras minimum terbabit, se-



RAFIZI



BARJOYAI



MOHD FAISOL

patutnya gaji permulaan untuk lepasan ijazah naik lebih tinggi tetapi sebaliknya yang berlaku.

Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Pertama 2023 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia baru-baru ini mendedahkan lebih dua juta rakyat Malaysia bergaji kurang daripada RM2,000 sebulan.

Malah, median atau penengah upah bulanan pada Mac 2023 bagi 6.45 juta pekerja formal adalah sebanyak RM2,600, hanya lebih RM11 berbanding paras pendapatan garis kemiskinan (PGK) RM2,589.

Menerusi pelaksanaan gaji progresif yang dijangka pada April atau Mei tahun depan, kerajaan akan mengeluarkan garis panduan kenaikan gaji tahunan bagi setiap sektor dan kategori pekerjaan.

Majikan pula akan menerima insentif tunai daripada kerajaan setelah mengemukakan dokumen berkaitan sebagai bukti dengan terlebih dahulu menaikkan gaji pekerja.

Pada masa sama, pekerja diwajibkan untuk menghadiri latihan peningkatan kemahiran yang diiktiraf oleh kerajaan bagi meningkatkan potensi menerima tawaran gaji lebih tinggi.

Sementara itu, Pakar Ekonomi, Profesor Emeritus Dr Barjoi Bardai berkata, pelaksanaan Dasar Gaji Progresif perlu dibuat secara berperingkat mengikut tangga gaji tertentu kerana ia dijangka memberi implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan.

"Mungkin untuk peringkat permulaan kita libatkan kumpulan berpendapatan kurang RM3,000. Jadi pekerja yang ber-

gaji lebih daripada jumlah itu (RM3,000) tidak terlibat lagi.

"Kemudian (selepas itu) kita pergi kepada kumpulan gaji hingga RM5,000. Kumpulan yang berpendapatan tinggi mungkin tidak perlu dibabitkan lagi (untuk permulaan) kerana mereka masih boleh bertahan walaupun tidak ada gaji progresif.

"Tapi dalam jangka masa panjang ia perlu meliputi semua kumpulan gaji termasuk mereka yang berpendapatan tinggi," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas mengenai implikasi kewangan kepada kerajaan, Barjoi berkata, dengan mengambil separuh majikan yang tidak mampu memenuhi dasar baharu melibatkan 16.5 juta pekerja seluruh negara, dianggarkan subsidi yang perlu ditanggung sehingga RM28 bilion setahun.

Pensyarah Perbankan dan Kewangan Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Mohd Faisal Ibrahim berkata, cadangan gaji progresif merupakan pendekatan yang baik dan berstruktur bagi membantu merangsang ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi.

"Pelaksanaan gaji progresif ini juga dapat mengurangkan kadar kemiskinan negara secara langsung dalam jangka masa panjang," katanya.